

UCAPAN PERASMIAN

YAB DATO' SERI DR WAN AZIZAH DR WAN ISMAIL

TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

TADABBUR AL-QURAN : WORLD CONVENTION AL-KAHF

IN CONJUNCTION WITH

**THE 61ST MALAYSIA INTERNATIONAL AL-QURAN RECITAL AND
MEMORISATION ASSEMBLY (MTHQA) 1440H/2019M**

TADABBUR AL-QURAN: WORLD CONVENTION AL-KAHF

Tarikh: 04/17/2019

Rabu, April/17/2019

Tempat: -

Terima Kasih Saudara Pengerusi Majlis

Salutasi (seperti di lampiran)

1. Alhamdulillah, Saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan rahmatNya, kita dianugerahi nikmat iman dan Islam, serta terus menikmati kehidupan di dunia ini.

Ruang dan peluang ini hendaklah kita rebut dengan bersungguhsungguh untuk terus menambah amal ibadah kita dan secara selari memohon keampunan atas segala salah dan silap kita.

2. Terima kasih dan tahniah kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) serta rakan-rakan strategik yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan program ini yang bertujuan mengangkat martabat keagungan Al-Quran dan syiar Islam.

Saya juga amat sukacita dapat bersama-sama dan menemui para hadirin dan hadirat yang hadir ke konvensyen ini.

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

3. Pada pandangan saya, program yang direncanakan ini amat baik dalam usaha mentadabbur ayat-ayat Allah SWT dari surah demi surah Al-Quran.

Di peringkat kementerian saya iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya telah mengarahkan penganjuran program tadabbur surah An-Nuur sebagai permulaan.

Ini kerana surah An-Nuur amat rapat dengan target dan fokus KPWKM.

Melalui tadabbur surah An-Nuur, saya menggesa diekstrak pengajaran-pengajarannya dan dibina satu modul pelaksanaan gerakerja yang tuntas dengan keperluan masyarakat semasa.

4. Terjemahan dan tafsiran ayat-ayat Al-Quran pula hendaklah tepat dengan kehendak Allah SWT, iaitu empunya kalam.

Masyarakat hendaklah dididik untuk sentiasa merujuk kepada asbabun Nuzul, iaitu persekitaran semasa ayat-ayat tersebut diturunkan kepada Nabi SAW dan apakah tindakan-tindakan baginda sendiri sebaik sahaja ayat tersebut diturunkan.

Ini akan memandu kita memahami konteks sesuatu ayat dan mengatur tindakan-tindakan yang sesuai dengan kehendak ayat-ayat tersebut.

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

5. Pemilihan surah Al-Kahfi sebagai fokus tadabbur konvensyen ini amat bersesuaian dengan situasi semasa negara kita. Di dalam surah ini terdapat pengkisahan yang jelas tentang golongan muda. Pemuda dan pemudi adalah tiang seri harapan negara.

Pemuda Al-Kahfi tersebut digambarkan oleh Allah SWT sebagai,

“Orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka dan ditambahkan ke atas mereka dengan hidayat petunjuk.”

6. Mereka adalah golongan pemuda yang tegar mempertahankan keimanan dan tidak takut untuk bertindak mempertahankan keimanan mereka.

Pengaruh-pengaruh tidak baik di sekeliling mereka tidak langsung memberi kesan yang boleh mencacatkan keimanan mereka.

Lantaran itulah mereka berhak mendapat sokongan daripada Allah SWT.

Inilah sebenarnya pemuda-pemuda impian negara dan bangsa.

7. Begitu juga pengkisahan tentang seorang raja atau pemimpin yang adil, iaitu Zulqarnain.

Beliau dikisahkan oleh Allah SWT sebagai Raja yang telah memiliki kekuasaan yang amat besar jajahan takluknya, dari Timur ke Barat.

Pemimpin yang beriman dan berlaku adil seperti Zulqarnain sentiasa dipandu dan mendapat sokongan oleh Allah SWT, seperti firman-Nya yang bermaksud,

“Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadanya kekuasaan memerintah di bumi dan Kami beri kepadanya jalan bagi menjayakan tiap-tiap sesuatu yang diperlukannya.” (Ayat 84).

8. Keadilan Zulqarnain sentiasa beriringan dengan sifat Ihsan seorang pemimpin, iaitu memilih untuk mendidik dan memandu rakyatnya ke jalan yang benar, selain menghukum mereka yang terbukti melakukan kesalahan atau jenayah. Firman Allah SWT bermaksud,

“Kami berfirman (dengan mengilhamkan kepadanya): Wahai Zulkarnain! Pilihlah samada engkau hendak menyiksa mereka atau engkau bertindak secara baik terhadap mereka. Dia berkata: Adapun orang yang melakukan kezaliman (kufur derhaka), maka kami akan menyiksanya; kemudian dia akan dikembalikan kepada Tuhannya, lalu diazabkannya dengan azab seksa yang seburuk-buruknya.

Adapun orang yang beriman serta beramal soleh, maka baginya balasan yang sebaik-baiknya; dan kami akan perintahkan kepadanya perintah-perintah kami yang tidak memberati.” (Ayat 86-88)

9. Jika ditanya kepada saya, apakah perasaan saya selaku seorang pemimpin apabila membaca ayat-ayat ini? Jawapan saya ialah, inilah inspirasi saya sebagai seorang pemimpin atau sebagai seorang rakyat.

Bahkan pemimpin yang berani menentang kezaliman dan kejahatan walaupun dicemuh, dipandang serong atau dibenci, itulah jihad yang hakiki.

10. Pemimpin yang adil kepada rakyat dan rakyat yang beriman, adalah gandingan yang bakal melahirkan BALDATUN TOYYIBATUN WA RABBUN GHAFUR, iaitu sebuah negara yang aman damai dengan rezeki yang melimpah ruah, rakyat yang sentiasa bersyukur dan sentiasa mendapat keampunan dan keberkatan daripada Allah SWT.

Maka tidak pelik jika surah Al-Kahfi menjadi Sunnah untuk dibaca dan ditadabbur setiap minggu.

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

11. Gagasan Malaysia Baharu, salah satunya adalah untuk mencapai matlamat pembangunan mampan (Sustainable Development Goals – SDG) dalam pentadbiran Islam mengikut acuan Malaysia sendiri.

Ini adalah berasaskan gagasan besar Rahmatan lil Alamindengan mengguna pakai pendekatan Maqasid As-Syariah iaitu objektif atau matlamat Syariah untuk menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Kerajaan bercita-cita untuk terus memacu kecemerlangan dalam sistem pengurusan Islam di negara ini.

12. Maqasid Syariah yang ingin dicapai ini perlu menjadi tonggak dan hala tuju jitu dalam pensyariaan hukum hakam dan ajaran Islam.

Apabila semuanya dapat digembleng dengan baik dan sempurna ia akan menjadi sebuah acuan yang unggul untuk memastikan pentadbiran negara yang penuh integriti dan telus.

13. Ini semua telah diperkatakan di dalam Al-Quran sama ada secara jelas atau secara simbolik.

Kitalah umat yang diiktiraf sebagai khayra ummah, iaitu umat terbaik yang dibangkitkan sebagai pelaksana amar makruf dan nahi munkar.

Umat yang mesti menukil dan menyebarkan luas ajaran-ajaran AlQuran dan As-Sunnah. Apabila penghayatan Al-Quran ini dapat diterapkan dengan acuan yang tuntas dan mampan baharulah kita dapat memastikan rahmah sentiasa melata dan merakyat dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

PENUTUP

14. Akhir kalam, saya ingin memetik satu lagi pengertian ayat ke-6, daripada surah Al-Kahfi, bermaksud, "Maka janganlah pula engkau (wahai Muhammad), di atas sebab-sebab (perbuatan dan) keengganan mereka beriman dengan Al-Qur'an ini membinasakan dirimu, kerana terasa amat dukacita dan murung!".

Sesungguhnya, saya terinspirasi daripada ayat ini, bahawa mendidik umat mengajak kepada kebenaran itu tidaklah mudah, tetapi Allah SWT menuntut ia diteruskan tanpa sedikit pun rasa kecewa di hati kekasih-Nya.

Oleh itu sebagai umat terbaik warisan Nabi Muhammad SAW, kita hendaklah terus berjuang menyampai yang benar dan yang baik, tanpa mengira untung rugi peribadi, sementara kejayaandalam perjuangan ini pula adalah rahsia Allah SWT.

15. Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan jutaan terima kasih kepada semua pihak terutamanya JAKIM, JAWI dan MAIWP atas jalinan kerjasama bersama-sama rakan strategik yang lain serta hadirin hadirat yang hadir dalam penganjuran majlis ini.

Semoga segala sumbangan dan amal bakti yang diberikan akan dirahmati dan diberkati Allah SWT.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim .. saya merasmikan Program Taddabur Quran : World Convention AlKahf In Conjunction With the

61st Malaysia International AlQuran Recital And Memorisation
Assembly (MTHQA) 1440H/2019M.

Sekian.

© Hak Cipta © 2018, Jabatan Perdana Menteri

Source: <http://tpm.jpm.gov.my/tadabbur-al-quran-world-convention-al-kahf/>